

20/11/1998

Al Gore hasut rakyat

KEPALA BATAS, Khamis - Menteri Luar, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menyifatkan kenyataan Naib Presiden Amerika Syarikat, Al Gore, menyokong gerakan reformasi adalah satu cubaan untuk menghasut rakyat supaya bertindak liar dan merusuh.

Menurutnya, kenyataan Gore yang dibuat dengan nada angkuh itu tidak boleh diterima oleh rakyat negara ini yang selama ini cintakan keamanan.

"Gore ternyata bertujuan menyokong dan menghasut penyokong Datuk Seri Anwar Ibrahim supaya terus merusuh dan melakukan pelbagai bentuk keganasan yang tidak sepatutnya berlaku di negara ini.

"Kerana itulah saya berkata Amerika sepatutnya bertanggungjawab jika berlaku sesuatu yang tidak diingini di negara ini," katanya kepada pemberita di pusat pemindahan banjir Kubang Menerong di sini, selepas melawat mangsa banjir di kawasan Parlimen Kepala Batas di sini, hari ini.

Mengenai memorandum bantahan Pemuda Barisan Nasional (BN) kepada Duta Amerika Syarikat di Kuala Lumpur semalam, Abdullah berkata, beliau menunggu perkembangan selanjutnya sebelum mengambil tindakan susulan.

"Tindakan Gore bukan saja biadap, malah boleh dianggap sebagai campur tangan dalam pergolakan politik tanah air yang tidak ada kaitan langsung dengannya.

"Saya sudah pun membuat kenyataan bagi pihak Kerajaan Malaysia. Itu adalah kenyataan rasmi bertulis dan disokong Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya.

(END)